



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 17 MEI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **59 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak **5,571 kes** (80.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 17 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **22 kes**, baharu yang telah dilaporkan. Oleh itu, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,894 kes** dan jumlah **kes aktif** dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah **1,210 kes**. Ingin dimaklumkan daripada 22 kes baru yang dilaporkan, lima (5) adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara, manakala 17 kes adalah penularan tempatan di mana sembilan (9) kes adalah bukan warganegara Malaysia.

Sehingga kini, terdapat **13 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa **tiada** kes kematian berkaitan COVID-19 setakat ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **113 kes** (1.64 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

WASPADA IMPAK NEGATIF PERGERAKAN MERENTAS NEGERI TERHADAP SITUASI PENULARAN COVID-19

Adalah dimaklumkan bahawa KKM khuatir melihat peningkatan pergerakan dan perjalanan individu merentas negeri, terutamanya menjelang perayaan yang bakal tiba.

Seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), pemeriksaan yang telah dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 15 Mei 2020 mendapati bahawa sebanyak 508 kenderaan telah cuba merentas negeri atas alasan mahu pulang ke kampung. Jumlah ini telah meningkat pada 16 Mei 2020, iaitu kepada 1,248 kenderaan yang cuba merentas negeri untuk pulang ke kampung. Mereka telah diarah berpatah balik oleh PDRM.

KKM menghargai usaha dan berterima kasih atas tindakan penguatkuasaan oleh pihak PDRM bagi memastikan pematuhan masyarakat kepada syarat-syarat PKPB terus kekal tinggi. Ini penting supaya orang ramai tidak menyalahgunakan kelonggaran yang telah diberikan oleh Kerajaan.

Sehingga 17 Mei 2020, **sebanyak 971 kes positif COVID-19 (atau 14.1 peratus)** daripada jumlah keseluruhan kes COVID-19 (6,894 kes) telah mempunyai **sejarah merentas negeri**.

Tambahan pula, sebanyak **18 kluster** daripada jumlah keseluruhan **49 kluster** yang pernah dicatatkan di Malaysia juga adalah berkaitan dengan aktiviti merentas negeri. Sepuluh (10) daripada kluster-kluster tersebut adalah masih aktif.

Kes-kes positif COVID-19 yang berkait rapat dengan aktiviti merentas negeri adalah amat membimbangkan, terutama sekiranya ia terus-menerus berlaku walaupun selepas penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Masyarakat harus waspada semasa tempoh perayaan yang bakal tiba kerana ini mungkin menjadi pemangkin kepada penularan jangkitan COVID-19 ke kawasan-kawasan yang kini telah mencapai status Hijau.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Tindakan pembendungan wabak COVID-19 di Negara kita sememangnya merupakan tanggungjawab setiap seorang Rakyat Malaysia. Adalah amat penting pemeraksanaan awam termasuk pemeraksanaan komuniti, keluarga dan individu. Sepertimana yang juga disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Oleh itu, tindakan ini sewajarnya dijadikan satu kelaziman dalam kehidupan seharian selagi COVID-19 masih wujud.

Semua peringkat dan lapisan masyarakat perlu mengambil tanggungjawab sosial (*social responsibility*) dalam memerangi wabak COVID-19 di Malaysia dengan kekal patuh kepada S.O.P iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Orang ramai turut diingatkan supaya patuh kepada 3C dan 3W seperti disarankan oleh KKM:

- Elakkan 3C: iaitu elakkan kawasan yang sesak (***Crowded place***), elakkan kawasan yang sempit (***Confined space***), dan elak bertutur dengan jarak yang dekat (***Close conversation***).
- Amalkan 3W: iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (***face mask***) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi;
 - Duduk di rumah dan hanya keluar sekiranya ada urusan penting sahaja;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

17 Mei 2020 @ 4.30 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 17 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	95
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	255
SELANGOR	8 (3)	1,636
NEGERI SEMBILAN	0	776
MELAKA	0	215
JOHOR	0	668
PAHANG	1	336
TERENGGANU	0	110
KELANTAN	0	155
SABAH	0	331
SARAWAK	0	544
W.P. KUALA LUMPUR	13 (2)	1,528
W.P. PUTRAJAYA	0	90
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	22 (5)	6,894

*() adalah merujuk kepada kes-kes import